



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 5 OGOS 2024**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                  | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>          |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| 1.         | RM10 JUTA DIPERUNTUKKAN FAMA BAGI MENAIK TARAF 41 PASAR TAMU DI SABAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2.         | AIR EMPANGAN SUSUT, KUBUR LAMA TIMBUL, NASIONAL, BH -19                                      | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)         |
| 3.         | DOSM SUDAH BANCİ 40% SEKTOR PERTANIAN DI PULAU PINANG, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE              | LAIN-LAIN                                      |
| 4.         | HASIL LUMAYAN TANAM, JUAL UBI VITATO, NEGARA, KOSMO -18                                      |                                                |
| 5.         | TANAM UBI KELEDEK VITATO RAIH PENDAPATAN LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM -36                       |                                                |
| 6.         | SIMP: LEBIH RM10 JUTA BAYARAN EX-GRATIA DISALUR KEPADA NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -14         |                                                |
| 7.         | BALIK KAMPUNG, TANAM JAGUNG BANTU PENDUDUK JANA PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM -37             |                                                |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH   | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 5/8/2024 | UTUSAN BORNEO | ONLINE  |            |

## RM10 juta diperuntukkan FAMA bagi menaik taraf 41 Pasar Tamu di Sabah



**TINJAU:** Arthur (dua kiri) mengadakan lawatan ke tapak program FAMA FEST 2024 @ Sabah yang akan diadakan bermula 29 Ogos sehingga 1 September ini.

**KENINGAU:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah memperuntukkan sebanyak

RM10 juta bagi menaik taraf 41 Pasar Tamu di Sabah, tahun ini.

Mengulas lanjut Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata ia bagi memperkukuhkan kerjasama diantara FAMA dengan Kerajaan Wilayah Sabah khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha mentransformasikan operasi Pasar Tamu.

"Pasar Tamu memainkan peranan yang penting sebagai medan pemasaran hasil pengeluaran produk pertanian dan agromakanan yang diadakan secara mingguan di Wilayah Sabah.

"Bagi tahun ini, FAMA giat melaksanakan projek naik taraf sebanyak 41 buah Pasar Tamu di Wilayah Sabah dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

"Sejumlah 38 buah Pasar Tamu sedang dalam proses menaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM7.6 juta dan dijangka siap pada tahun ini.

"Manakala sebanyak tiga buah Pasar Tamu iaitu Pasar Tamu Kinabatangan, Pasar Tamu Menggerimot dan Pasar Tamu Rancangan Belia Tiulon dalam proses dokumentasi dan pelaksanaan bagi tujuan naik taraf, " katanya.

Tambah Arthur, projek naik taraf itu berupaya memberikan peluang dan manfaat sehingga 150 orang usahawan di sesebuah Pasar Tamu dalam menjalankan aktiviti pemasaran agromakanan.

"Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kemudahan

fasiliti dan keselesaan pengunjung di Pasar Tamu dalam masa yang sama turut mengekalkan elemen budaya setempat yang merupakan keunikan identiti masyarakat di Sabah, " katanya.

Sebagai rekod, sehingga tahun 2023, FAMA telah membelanjakan sebanyak RM5.36 juta bagi menaiktaraf enam buah Pasar Tamu sedia ada iaitu Pasar Tamu Sook Keningau, Pasar Tamu Dataran Tomborungus Kudat, Pasar Tamu Kunak, Pasar Tamu Beluran, Pasar Tamu Tuaran dan di Pasar Tamu Telupid.

Terdahulu, Arthur mengadakan lawatan ke tapak program FAMA FEST 2024 @ Sabah yang akan diadakan pada 29 Ogos sehingga 1 September ini, yang turut disertai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Faisal Iswardi dan Pengarah FAMA Negeri Sabah, Sarman Sidno.

Katanya, seramai 442 usahawan akan terlibat dalam program itu dengan dengan anggaran jualan sebanyak RM250,000 dan dijangka mencatatkan seramai 20,000 pengunjung sepanjang program yang berlangsung selama empat hari.

# Air empangan susut, kubur lama timbul



Tanah perkuburan di Kampung Mong Gajah di Empangan Pedu mula kelihatan Jumaat lalu selepas kadar takungan air di empangan itu semakin menyusut. (Foto Ihsan pembaca)

**Sik:** Kadar tiga empangan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dilaporkan semakin menyusut semalam, berikutan keadaan cuaca panas berterusan sejak beberapa bulan lalu.

Mengikut rekod di laman web MADA semalam, Muda terus menyusut dan hanya tinggal 7.52 peratus, manakala Empangan Pedu (37.54 peratus) dan Empangan Ahning (81.16 peratus) dengan purata keseluruhan takungan air bagi tiga empangan adalah 42.41 peratus.

Penduduk, Arman Che Ya, 43, berkata keadaan di Empangan Pedu dilihat

semakin mengering apabila kawasan perkuburan lama di Kampung Mong Gajah timbul menjadi daratan.

Katanya, keadaan itu hampir sama dengan fenomena El Nino pada 2020 sehingga ada waris dapat menziarahi pusara berke-  
naan.

"Batu nisan di kubur ini nampak semakin jelas pada Jumaat, sebelum ini hanya nampak pagar kubur sahaja, tapi daratan di kawasan ini tanahnya masih lembut dan dibimbangi akan berlaku tanah jerlus.

"Saya baru ke kawasan itu semalam (kelmarin) dengan beberapa rakan, sejak kampung lama itu

timbul hampir sebulan lalu kami kerap ke sana. Saya jangka waris boleh menziarahi pusara nenek moyang mereka tidak lama lagi sekiranya takungan air empangan terus menyusut," katanya.

Nelayan di Tasik Gubir di Empangan Muda, Awang Salleh, 59, berkata beberapa kubur di tasik itu sudah timbul lebih awal berbanding di Empangan Pedu kerana takungan air di kawasan itu menyusut dengan lebih cepat.

Katanya, kawasan perkuburan yang timbul adalah di Kampung Kempas, Kampung Kuala Tesong, Kampung Lubuk Pari dan Kampung Banggol Pauh.

| TARIKH   | MEDIA            | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|------------------|---------|------------|
| 5/8/2024 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE  |            |

## DOSM sudah banci 40% sektor pertanian di Pulau Pinang



Dr Mohd Uzir Mahidin

GEORGE TOWN – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah membanci sebanyak 40 peratus daripada 18,122 pertubuhan dan pengusaha yang terlibat dalam sektor pertanian meliputi aktiviti tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan perhutanan serta pembalakan di Pulau Pinang.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin yang juga Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 berkata, ia melibatkan kira-kira 8,000 pembancian yang ditelah dijalankan di negeri itu sejak Julai lepas hingga hari ini.

“Hari ini hari ke-28 pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan di seluruh negara telah capai 31 peratus. Pulau Pinang merupakan negeri tertinggi iaitu 40 peratus pembancian dilaksanakan, kita jangka negeri ini akan selesai lebih awal berbanding sasaran bai seluruh negara Oktober nanti.

“Dari segi tanah pertanian di Pulau Pinang, terdapat 36,040 hektar dan sumbangan sektor itu pada tahun lepas tak sampai tiga peratus namun membabitkan jumlah RM2.2 bilion, malah di negeri ini aktiviti antara yang terbesar adalah ikan hiasan berbanding negeri lain,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program turun padang bagi operasi kerja luar Banci Pertanian 2024 di sangkar ikan laut di perairan Pulau Pinang di sini hari ini.

Sebelum ini DOSM melaporkan dianggarkan terdapat lebih 1.3 juta isi rumah atau individu terlibat dalam pertanian selain hampir 20,000 pertubuhan berdaftar, institusi, koperasi dan persatuan turut terlibat dalam sektor itu, justeru pelaksanaan bancian tersebut amat penting bagi mengumpul data berkaitan pertanian termasuk permasalahan yang dihadapi.

Mohd Uzir berkata, DOSM telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakannya dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

Beliau Banci Pertanian 2024 merupakan usaha kerajaan dalam menilai prestasi industri pertanian di Malaysia dan ia menyediakan data asas profil pegangan pertanian seperti maklumat demografi, hasil pertanian, kos input, saiz ladang, penggunaan dan pemilikan tanah, mekanisasi serta penggunaan teknologi.

“Berdasarkan dapatan awalan di kebanyakan tempat kita pergi seluruh negara, jumlah belia terlibat dalam bidang pertanian agak terserlah tetapi dari segi peratusan masih kurang dan

perlu ditingkatkan selain banciaan juga mendapati rata-rata pengusaha terutama yang berumur membayangkan sektor pertanian perlu tarik ramai belia untuk meneruskannya.

“Kita juga mendapati pengetahuan dalam sektor petanian iaitu teori 30 peratus diperoleh dalam pendidikan formal di universiti dan sebagainya manakala 70 peratus lagi di lapangan, jadi amat penting banciaan ini kerana dapat lihat banyak perkara yang boleh dihadirkan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, cabaran yang dihadapi pembanci dalam melaksanakan Banci Pertanian di Pulau Mutiara itu termasuk terdapat sebilangan responden enggan memberikan kerjasama dan ragu-ragu untuk mendedahkan maklumat pertanian.

Justeru, Mohd Uzir menyeru agar pertubuhan dan pengusaha pertanian di negeri ini memberi kerjasama kepada DOSM dalam menjayakan aktiviti pembanciaan demi kelestarian sektor pertanian negara sejajar dengan tema Banci Pertanian 2024 Kunci Kemajuan Pertanian.

Sementara itu, DOSM dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena program itu memaklumkan berdasarkan laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sektor pertanian Pulau Pinang menyumbang 1.9 peratus kepada KDNK negeri dengan nilai ditambah berjumlah RM2.2 bilion.

Menurutnya subsektor perikanan merupakan penyumbang terbesar sektor pertanian di negeri ini dengan sumbangan 40 peratus, diikuti subsektor tanaman iaitu 33 peratus dan ternakan sebanyak 27 peratus pada tahun lepas.

“Dapatan banci dapat memberikan manfaat terutamanya kepada para petani untuk mengakses data tanaman dan ternakan dengan lebih terperinci serta membantu dalam membuat keputusan berkaitan cara untuk meningkatkan kecekapan rantai bekalan serta menambah baik penawaran produk,” katanya.

Selain itu, DOSM memaklumkan data membantu penggubal dasar dan pemain industri untuk membuat keputusan dengan lebih baik serta mengoptimumkan operasi dalam sektor pertanian.- BERNAMA

## Hasil lumayan tanam, jual ubi vitato

**BESUT** – Seorang petani meraih pendapatan RM15,000 semusim hasil menjual ubi keledrek jenis vitato yang ditanamnya di Kampung Bukit Tanah di sini.

Ramli Mohd., 37, berkata, ubi keledrek vitato mengambil masa empat bulan untuk matang.

"Saya mula menanam ubi keledrek vitato secara serius sejak tiga tahun lalu. Penjagaan agak

mudah, hanya perlu siram, baja dan racun mengikut jadual.

"Setiap musim boleh dapat 10 tan ubi. Selain itu, saya turut jual benihnya yang diperolehi daripada keratan tumbuhan tersebut," katanya.

Menurut Ramli, permintaan ubi keledrek vitato amat tinggi tanpa mengira musim terutama musim hujan.

Tambahnya, selain direbus

dan menjadi bahan asas kuah-mulh, ubi keledrek vitato juga sesuai dibuat kerepek.

"Saya buat penanaman secara bergilir untuk kekalkan kesuburan tanah. Ada juga cabaran-nya seperti ancaman haiwan pe-rosak khususnya tikus dan ulat.

"Selain itu, cuaca panas me-lampau dan banjir mengejut juga boleh menjejaskan kualiti ubi keledrek," katanya.



**RAMLI** menunjukkan ubi dan keratan benih ubi keledrek vitato yang diusahakannya di Kampung Bukit Tanah, Besut semalam.

# Tanam ubi keledrek vitato raih pendapatan lumayan

Oleh WAN ZURATIKAH  
IFFAH WAN ZULKIFLI  
utusannews@mediamulla.com.my

**BESUT:** Seorang petani mampu meraih pendapatan kira-kira RM15,000 hasil daripada menanam dan membekalkan benih ubi keledrek vitato pada setiap musim sejak tiga tahun lalu.

Ramli Mohd., 37, berkata, dia dapat menuai hasil ubi keledrek tersebut sebanyak 10 tan pada setiap musim manakala benihnya iaitu keratan pokok ubi keledrek itu pula dituai dua kali dalam setiap pusingan tanaman.

“Penjagaan tanaman ini sememangnya mudah berbanding pokok sayur-sayuran lain lain dengan hanya menjaga keperluan air, baja dan racun mengikut tempoh sepatutnya,” katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Tanah, di sini semalam.

Tambahnya, selain itu, pucuk pokok keledrek itu juga dapat memberi hasil pendapatan kepada pengusahanya.

Jelasnya, ubi tersebut mendapat permintaan tinggi sepanjang tahun dan, meningkat berlipat ganda ketika musim tengkujuh.

“Ramai pengusaha makanan mencari ubi ini untuk membuat kuli mui mahupun makanan ringan seperti kerepek.

“Selain itu, ubi tersebut juga menjadi makanan digemari orang ramai ketika musim hu-



**RAMLI Mohd. menunjukkan ubi keledrek vitato yang ditanam di Kampung Bukit Tanah, Besut, semalam.**  
- UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

jan,” ujarnya.  
Dalam pada itu, Ramli berkata, dia juga pernah mengalami kerugian apabila tanaman tersebut diancam penyakit dan serangan serangga serta haiwan liar.  
Selain itu, dia juga berdepan risiko kerugian akibat bencana alam seperti ditenggelami banjir mahupun cuaca panas melampau.

“Namun, kerugian yang ditanggung itu tidak mematahkan semangat saya dalam meneruskan tradisi keluarga dalam bidang tanaman ubi keledrek.”

# SIMP: Lebih RM10 juta bayaran ex-gratia disalur kepada nelayan

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA  
 utusannews@mediamulla.com.my

**GEORGE TOWN:** Sebanyak RM10,079,390 bayaran 'ex-gratia' telah disalurkan ke akaun nelayan yang berdaftar untuk skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) bagi projek Pulau Silikon, setakat ini.

Jumlah itu melibatkan seramai 680 orang nelayan yang telah menerima pembayaran penuh iaitu sehingga 100 peratus mengikut kelayakan serta tahap kategori masing-masing daripada keseluruhan 877 orang nelayan yang berdaftar.

Difahamkan, jumlah 680 orang nelayan itu termasuk 133 nelayan yang terlepas daripada senarai asal Jabatan Perikanan, namun, telah diluluskan bayaran mereka setelah rayuan dikemukakan.

Timbalan Speaker Pulau Pinang, Datuk Azrul Mahathir Aziz yang mewakili Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Dr. Mohamad Abdul Hamid selaku Pengerusi Jawatankuasa Task-force Nelayan berkata, ketika ini



**AZRUL Mahathir Aziz (berdiri, lima dari kanan) bersama sebahagian nelayan pada majlis perasmian Mesyuarat Tahunan Kedua Koperasi Komuniti Pulau Pinang Selatan Berhad (KKPPSB) di George Town, Pulau Pinang.**

juga, proses pembayaran masih diteruskan untuk baki nelayan yang sedang mengemas kini dokumen sokongan mereka.

Azrul Mahathir yang juga

merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas berkata, pada masa yang sama, sebanyak 1,361 kontrak bernilai RM295 juta yang ber-

kaitan dengan projek Pulau Silikon turut diberikan kepada pe- niaga tempatan.

"Secara keseluruhannya, se- ramai 373 pekerja tempatan te-

lah terlibat dalam projek ini ter- masuk 169 warga Pulau Pinang," kata beliau pada majlis perasmi- an Mesyuarat Tahunan Kedua Koperasi Komuniti Pulau Pinang Selatan Berhad (KKPPSB) di se- buah hotel di sini.

Pada mesyuarat tersebut, KKPPSB yang kini dianggotai seramai 1,202 ahli telah meng- umumkan kadar dividen seba- nyak lima peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Sementara itu, Pengerusi Ja- watankuasa Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, kerajaan negeri tidak pernah berhasrat untuk menghalang komuniti nelayan daripada terus pergi ke- laut dengan adanya pembangu- nan Pulau Silikon.

Sebaliknya, beliau yang ju- ga merupakan Yang Dipertua KKPPSB berkata, pelbagai usaha telah dilakukan untuk memas- tikan komuniti nelayan dapat meneruskan aktiviti penangka- pan dengan lebih maju, moden dan selamat.

# Balik Kampung, Tanam Jagung bantu penduduk jana pendapatan

Oleh NORUL AKMA MOHD ZAIN  
utusannews@mediamulla.com.my

**BUTTERWORTH:** Kerajaan negeri komited untuk melaksanakan inisiatif tanaman jagung bagi membantu masyarakat desa menjana pendapatan.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, pada masa sama, inisiatif itu juga diharap mampu melahirkan golongan usahawan jagung yang berdaya saing pada masa depan.

Menurutnya, projek dikenali sebagai Balik Kampung, Tanam Jagung itu secara umumnya menyasarkan masyarakat desa dan luar bandar di negeri ini sebagai pengeluaran jagung melibatkan peruntukan RM4.8 juta.

"Kita sudah dapat tanah seluas kira-kira 60.7 hektar milik Universiti Teknologi Mara



**FAHMI Zainol (tiga dari kiri) menyerahkan Jalur Gemilang kepada barisan urus setia Komuniti Madani Telok Ayer Tawar dan Komuniti Madani Taman Wira di Kampung Paya, Pulau Pinang, baru-baru ini.**

Jerejak ditemui dalam Program Komuniti Madani anjuran Komuniti Madani Telok Ayer Tawar dan Komuniti Madani Taman Wira di Kampung Paya dekat sini, baru-baru ini.

"Salah satu (projek pertanian) yang disenaraikan oleh Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCR) adalah jagung manis.

"Jika dahulu orang kata balik kampung tanam jagung tidak bawa untung tapi sebenarnya (tanaman) jagung manis menguntungkan. Malaysia sendiri tidak cukup pengeluarannya, apatah lagi di luar negara. Itu sebab kita nak bangunkan," katanya.

Tambah beliau, anggaran pulangan yang mampu dijana melalui projek tersebut adalah sehingga RM100,000 bagi tuaian pertama dan mampu memecah sehingga RM500,000 bagi keseluruhan empat tuaian dalam tempoh setahun.

(UiTM) di Kepala Batas yang mana kelulusannya telah kita terima sejak minggu lepas.

"Pada masa sama, bajet dari-

pada Kementerian Ekonomi pun kita sudah terima dan kini kita hanya menunggu masa untuk laksana projek (tanaman jag-

ung)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai